



**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**MAJLIS PERASMIAN SIRI WEBINAR  
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12)**

**PERANAN KERAJAAN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA KORIDOR DALAM  
PEMBANGUNAN WILAYAH DAN NEGARA**

**17 JANUARI 2022 (KHAMIS)**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**YBhg. Prof Dato' Dr. Rajah Rasiah**

Profesor Ulung di Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya

**YB Dato' Dr. Razali Bin Ab Malik**

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**YBhg. Datuk Seri Panglima Hashim Paijan**

Ketua Eksekutif Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)

**YH Dato' Baidzawi Che Mat**

Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)

**Tuan Shuhaimi Mohamed**

Penerbit dan Hos BERNAMA TV selaku moderator pada hari ini

1. Izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) di atas kesudian untuk menganjurkan siri webinar RMKe-12. Tajuk sesi pada kali ini ialah “**Peranan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Koridor Dalam Pembangunan Wilayah dan Negara**”.
2. Seperti semua sedia maklum, pembentangan RMKe-12 telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 September 2021 dengan objektif Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan. Penyediaan RMKe-12 melibatkan pendekatan *top-down and bottom-up planning* yang disertai semua pemegang taruh. Pelbagai sesi libat urus telah diadakan sejak Julai 2019 bersama semua pihak berkepentingan termasuk kementerian dan agensi, kerajaan negeri, pihak swasta, badan antarabangsa, akademia, pemimpin masyarakat dan komuniti serta pertubuhan masyarakat sosial.
3. RMKe-12 dijajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan. Ia merupakan pelan **pembangunan menyeluruh bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan pengagihan peluang dan hasil yang lebih saksama**. Kerajaan mengambil pendekatan keseluruhan negara, atau *whole-of-nation approach* yang melibatkan seluruh jentera dan agensi kerajaan, industri serta masyarakat dalam melaksanakan pembaharuan.
4. Pada tahun 2020, ekonomi negara telah menguncup akibat krisis kesihatan yang turut menjaskan pertumbuhan ekonomi negeri dan Wilayah. Dalam tempoh RMKe-11, 2016-2020, KDNK per kapita nasional meningkat sebanyak 2.9% setahun. Namun begitu, wujud pengagihan yang tidak seimbang antara negeri. Wilayah Persekutuan dan lima negeri mencatat KDNK per kapita melebihi purata nasional, sebanyak RM43,475 pada tahun 2020 dengan WP Kuala Lumpur merekodkan pencapaian tertinggi sebanyak RM121,100. Selain itu, Kelantan, Sabah, Kedah dan Perlis mencatat KDNK per kapita yang rendah

berikutan kebergantungan yang tinggi kepada sektor berasaskan komoditi. Kelantan mencatat KDNK per kapita terendah berjumlah RM14,096 dengan jurang sebanyak 67.6% di bawah purata nasional.

5. Jurang pembangunan antara wilayah juga terus melebar dengan Wilayah Tengah menyumbang sebanyak 46.9% kepada KDNK Nasional. Dalam tempoh RMKe-11, KDNK Wilayah Tengah berkembang sebanyak 3.7% setahun, melebihi purata nasional 2.7% setahun manakala Wilayah Timur pula berkembang sebanyak 2.3% setahun. Wilayah Tengah juga mencatat KDNK per kapita tertinggi sebanyak RM63,028 pada tahun 2020 iaitu 2.5 kali lebih tinggi berbanding Wilayah Timur sebanyak RM25,070.
6. RMKe-12 memberi tumpuan kepada usaha menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah. Bab 6 RMKe-12, iaitu **Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah** telah memberi penekanan khusus kepada pembangunan wilayah. Dalam hubungan ini, usaha telah dikenalpasti untuk mempercepat pembangunan yang lebih inklusif bagi negeri dan wilayah, serta merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar. Ini termasuk memanfaatkan sepenuhnya potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan dan mentransformasi kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan.
7. Selain itu, antara agenda baharu yang diperkenalkan dalam RMKe-12 ialah tumpuan khusus kepada pembangunan Sabah dan Sarawak. Satu bab khusus, iaitu Bab 7: Memperkuuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak telah disediakan dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan yang inklusif. Tumpuan diberikan kepada usaha memantapkan penyediaan infrastruktur, meningkatkan potensi ekonomi negeri, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkat pembangunan inklusif dan memperkuuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri.

8. RMKe-12 juga telah memperkenalkan **Pemacu Perubahan 7: Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan**. Antara inisiatif yang dikenalpasti termasuklah agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan asas persekutuan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.
9. Beberapa isu dan cabaran yang masih memberi kesan kepada pertumbuhan wilayah dan negeri adalah termasuk:
  - a. Tumpuan berlebihan kepada aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang rendah;
  - b. Insiden kemiskinan yang masih tinggi;
  - c. Ekosistem sokongan yang tidak mencukupi;
  - d. Penerimangunaan teknologi yang rendah; dan
  - e. Liputan telekomunikasi dan jalur lebar yang masih kurang.
10. Justeru, beberapa strategi utama telah dikenalpasti untuk mempertingkat keseimbangan dan keterangkuman wilayah iaitu seperti:
  - a. menarik pelaburan berkualiti;
  - b. menambah baik ekosistem perniagaan;
  - c. mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan;
  - d. mempelbagai dan merancakkan aktiviti ekonomi;
  - e. mempelbagai dan merancakkan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar dan mengurangkan insiden kemiskinan; dan
  - f. mempertingkat pembangunan koridor ekonomi wilayah bagi mempercepat pembangunan sosioekonomi dan mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri.

11. Usaha ini dapat dicapai melalui pembangunan berasaskan nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan dengan menumpukan kepada beberapa aktiviti ekonomi yang terpilih. Langkah untuk menarik pelaburan berkualiti, terutama di wilayah yang kurang membangun akan dipergiat dan ekosistem perniagaan akan terus ditambah baik. Negeri juga akan digalakkan untuk memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi.
12. Dalam hubungan berkaitan, program pembangunan strategik pada peringkat wilayah dan negeri akan dilaksana melalui inisiatif yang dipacu oleh kerajaan negeri dan projek yang diterajui oleh sektor swasta. Selain itu, kerjasama yang lebih baik dengan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, termasuklah dengan Pihak Berkuasa Koridor akan terus diperkuuh. Kerjasama yang erat antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta sektor swasta akan mewujudkan sinergi dan ekosistem pembangunan yang komprehensif dan bersepadu dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang lebih seimbang.
13. Bagi melonjakkan kemampanan, Kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Koridor disaran untuk menerapkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam perancangan pembangunan dan pelaburan. Pembangunan rendah karbon dan berdaya tahan hendaklah dipertingkat sebagai usaha untuk mengurangkan risiko bencana. Peralihan kepada ekonomi kitaran perlu dipergiat bagi mengurangkan pencemaran, penjanaan sisa dan kebergantungan kepada sumber asli. Manakala usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaiannya khazanah semula jadi negara hendaklah diteruskan. Kerajaan akan menambah baik mekanisme ecological fiscal transfer (EFT) bagi menyokong usaha kerajaan negeri memelihara kawasan hutan.
14. Di samping itu, bagi mewujudkan sinergi pembangunan yang bersepadu dan menangani keperluan pembangunan wilayah secara menyeluruh,

pembangunan di lima koridor ekonomi wilayah akan terus diberi perhatian. Peranan Pihak Berkuasa Koridor akan dilibatkan dalam mempercepat pembangunan strategik di wilayah untuk mencapai pembangunan wilayah yang lebih seimbang dan inklusif. Tumpuan akan diberi kepada pelaksanaan projek yang berimpak tinggi untuk menarik pelaburan berkualiti di wilayah. Ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan yang akan mengurangkan jurang sosioekonomi rentas wilayah dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

15. Sebagai kesimpulan, dalam memastikan kejayaan pelaksanaan strategi-strategi RMKe-12, sesungguhnya peranan semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa koridor amat penting. Kerjasama erat yang berterusan dengan Kerajaan Persekutuan akan menyumbang kepada usaha pembangunan negara dan memastikan kesejahteraan rakyat.
16. Dengan in, saya sudahi ucapan saya dan mengalu-alukan semua untuk terlibat sama webinar RMKe-12: **Peranan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Koridor Dalam Pembangunan Wilayah dan Negara**”. Semoga semua beroleh manfaat dari webinar ini.

Sekian, terima kasih.